No. Siri :      /
No. Ruj : MPPBDR/BIAD/B/6
No. Pindaan : 02
Tarikh kuatkuasa : 01/06/2025

# BORANG DEKLARASI ANTI-RASUAH RAKAN NIAGA MAJLIS PERBANDARAN PEKAN BANDAR DIRAJA

**Bertarikh pada __________hari bulan_________/ 20___**

Syarikat kami, ______________________________________________________________

________________________________________ (*Nama Syarikat*), nombor pendaftaran

_______________________ , (termasuk pengarah, pegawai dan pekerja kami) dengan ini :

**1. IKRAR, KOMIT DAN AKUJANJI BAHAWA :**

A. Kami telah membaca, memahami dan akan mematuhi:

i. Polisi Anti-Rasuah Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja (MPPBDR). Polisi Anti-Rasuah MPPBDR menggariskan pendirian komited untuk mengamalkan ketelusan dan keadilan bagi memastikan tadbir urus terbaik melalui penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berintegriti daripada semua pihak dalaman Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja

ii. Semua undang-undang dan peraturan yang terpakai berkaitan anti-rasuah;

iii. Prinsip Anti-Rasuah Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja seperti berikut:

(a) Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694), arahan-arahan lain yang berkaitan anti-rasuah dan semua perundangan yang terpakai kepada aktiviti MPPBDR;

(b) Memastikan amalan dan persekitaran kerja selari dengan pelaksanaan anti-rasuah bagi semua kakitangan dan pihak Rakan Niaga MPPBDR;

(c) Menyediakan saluran aduan bagi sebarang salah laku integriti dan rasuah selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);

(d) Mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan memerangi rasuah;

(e) Memerangi apa-apa bentuk amalan rasuah; dan

(f) Menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia, SPRM dan MPPBDR.

A. Kami tidak akan, melalui mana-mana wakil, ejen atau orang-orang yang berkaitan dengan kami, melakukan apa-apa kesalahan rasuah atau melanggar mana-mana Undang-Undang Terpakai dan / atau Peruntukan. Kami tidak akan mendorong unsur rasuah dalam amalan, aktiviti, operasi dan transaksi perniagaan kami.

**2. BERSETUJU BAHAWA:**

A. Sekiranya mana-mana orang cuba mendapatkan sebarang rasuah atau faedah (sama ada kewangan atau sebaliknya) daripada kami atau mana-mana orang lain yang berkaitan dengan kami sama ada sebagai dorongan atau insentif untuk kami dipilih untuk satu cadangan urus niaga perniagaan dengan MPPBDR atau sebagai ganjaran, hadiah, atau bonus atau di mana kami mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki apa-apa pelanggaran obligasi di dalam Deklarasi Anti Rasuah ini, Polisi Anti-Rasuah MPPBDR atau mana-mana Undang-Undang Terpakai, kami akan melaporkan perkara sedemikian kepada Bahagian Integriti dan Audit Dalam MPPBDR melalui :

i. Hadir berjumpa Pegawai Integriti MPPBDR atau,
ii. Menghantar surat / borang aduan integriti kepada Bahagian Integriti dan Audit dalam atau,
iii. Email aduan integriti ke aduanintegriti@mpp.gov.my atau
iv. Menghantar aduan integriti melalui e-Aduan Integriti.

B. Kami dimaklumkan sepenuhnya mengenai Polisi Pemberian Maklumat dan saluran yang tersedia untuk kami melaporkan sebarang salah laku atau cubaan melanggar mana-mana peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan memerangi rasuah sepanjang perkhidmatan kami bersama MPPBDR.

**Untuk maklumat lanjut, sila scan Kod QR dibawah**

**Garis Panduan Kod Etika Rakan Niaga, MPPBDR.**

**Untuk dan bagi pihak Rakan Niaga,**

Yang Benar,

________________________________

Nama Pengarah Syarikat / wakil :

Cop syarikat :

**Diterima dan Disahkan oleh :**

________________________________

Yang Dipertua,

Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja.

Tarikh :